

Air hingga paras lutut

91 mangsa banjir dipindah ke pusat pemindahan

>>Oleh Haidhar Hilmi

am@hmetro.com.my

BATU PAHAT: Seramai 91 penduduk daripada 27 keluarga di Kampung Parit Gantong, Parit Sulong di sini, dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Tiga Serangkai, selepas rumah mereka dinaiki air separas lutut, jam 10 malam kelmarin.

Setakat ini, hanya pusat pemindahan banjir berkenaan saja yang beroperasi bermula jam 10 malam kelmarin memandangkan kawasan yang dilanda bencana berkenaan membabitkan kawasan Parit Sulong saja.

Kerja memindahkan penduduk dibantu anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan juga dibantu Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela).

Penduduk berdekatan dan di beberapa kawasan di sekitar bandar ini pula diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan paras air semakin meningkat akibat hujan berterusan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri Johor, Dr Robia Kosai, berkata kerajaan negeri sudah bersedia untuk berdepan de-



"Sebanyak 2.6 tan beras juga sudah tersedia untuk diagihkan kepada mangsa yang tinggal di pulau di Mersing"

>Dr Robia Kosai

ngan banjir.

"Kami sudah mengenalpasti 638 lokasi untuk dijadikan pusat pemindahan banjir dan ia mampu menampung sehingga 170,861 mangsa.

"Sebanyak 2.6 tan beras juga sudah tersedia untuk diagihkan kepada mangsa yang tinggal di pulau di Mersing," katanya selepas melawat mangsa banjir, di

sini, semalam.

Menurut Robia, 158 pembekal sudah dikenal pasti untuk membekalkan makanan kepada mangsa banjir berdasarkan senarai keperluan diberikan ketua pusat pemindahan.

Pada masa sama, Robia berkata, 60 pengkalan hadapan juga diwujudkan untuk stok simpanan makanan bagi lebih 64,000 mangsa banjir.

"Contohnya, Muar dijadikan pengkalan hadapan untuk tiga negeri iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

"Lebih 700 kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor dan lebih 700 sukarelawan JKM juga sudah bersedia untuk bertugas menghadapi banjir," katanya.

Menurut Robia, antara keperluan utama mangsa banjir adalah air minuman bersih, selimut, tikar, susu, lampin serta tilam dan kesemuanya sudah disediakan pihaknya.

Robia turut menasihati penduduk di kawasan yang sering dilanda banjir supaya melakukan persiapan awal dan menyimpan barangan keperluan serta dokumen penting di dalam beg atau tempat selamat.

"Bila banjir berlaku, terus capai beg dan segera berpindah bersama dokumen penting," katanya.



AIR NAIK...keadaan banjir di Kampung Gantong, Parit Sulong.

Tetap fokus hadapi SPM

BATU PAHAT: "Walaupun terpaksa mengulang kaji pelajaran di pusat pemindahan banjir, ia tidak menjadi penghalang untuk saya melakukan yang terbaik dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), minggu depan.

"Walaupun agak sukar untuk fokus kerana keadaan di sini bising, saya tetap berusaha untuk mengulang kaji pelajaran dengan sebaik mungkin," kata Noor Adilah Azman, 17, di sini, semalam.

Adilah adalah seorang daripada 91 mangsa banjir daripada 27 keluarga yang ditempatkan di pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Tiga Serangkai, sejak dua hari lalu selepas kediaman mereka di Kampung Parit Gantong, Parit Sulong dinaiki air se-



ADILAH...curi masa ulang kaji pelajaran

paras lutut.

Menurut Adilah, peperiksaan SPM yang bakal menjelang menyebabkannya tidak menghiraukan masalah berkenaan, sebaliknya hanya fokus untuk mengulang kaji pelajaran.

"Saya akan pastikan saya mampu mengulang kaji semua mata pelajaran sebelum peperiksaan SPM ber-

mula," kata pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Sulaiman itu.

Menurut Adilah yang juga pelajar jurusan sains, walaupun bising dan sesak, dia mencuri masa untuk mengulang kaji pelajaran setiap kali selesai bergotong-royong menyediakan hidangan makan malam.

Seorang lagi mangsa banjir, Surati Ibrahim, 64, berkata, hujan lebat kira-kira dua jam bermula jam 7.30 petang kelmarin menyebabkan air naik separas lutut.

"Air meningkat separas lutut dalam tempoh kira-kira 15 minit. Mujur kami sudah bersedia dengan kemungkinan banjir memandangkan kawasan ini kerap dinaiki air.

"Kami juga dapat menyelamatkan semua dokumen penting," katanya.